# UNDANG-UNDANG
# MALAYSIA

## Akta 157

### AKTA INSTITIUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN), 1975

Tarikh Persetujuan Diraja ... ... 15hb Mei, 1975

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 22hb Mei, 1975

(REPEALED BY THE STANDARDS OF MALAYSIA ACT 1996 [ACT 549])



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 157

# AKTA INSTITIUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN), 1975

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN


Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.


BAHAGIAN II

INSTITIUT


3. Penubuhan Institiut.
4. Tugas-tugas Institiut.
5. Kuasa-kuasa Institiut.


BAHAGIAN III

MAJLIS


6. Penubuhan Majlis.
7. Keahlian Majlis.
8. Tempoh jawatan.
9. Meletak jawatan dan pemecatan.
10. Hilang kelayakan menjadi ahli.
11. Kekosongan jawatan.
12. Perjalanan Majlis.
13. Kuasa Menteri untuk memberi arahan.
14. Kewajipan untuk memberi maklumat kepada Menteri.
15. Pengesahan meteri.

BAHAGIAN IV

PENGAWAL, PENGARAH DAN KAKITANGAN INSTITIUT

Seksyen

16. Pengawal, Pengarah dan tugas-tugas mereka.
17. Lain-lain pegawai dan pekerja Institiut.
18. Pinjaman kepada pekerja-pekerja.

BAHAGIAN V

PENTADBIRAN

19. Jawatankuasa Majlis.
20. Kuasa Pewakilan.
21. Kuasa untuk membuat kaedah.

BAHAGIAN VI

KEWANGAN DAN LAPURAN

22. Kumpulanwang.
23. Pelaburan.
24. Kuasa untuk meminjam.
25. Anggaran.
26. Akaun dan odit.
27. Lapuran tahunan.

BAHAGIAN VII

PIAWAIAN

28. Penentuan-penentuan piawai.
29. Pendaftaran tanda-tanda sebagai cap dagangan perakuan.
30. Lesen untuk menggunakan tanda-tanda piawai.
31. Hakcipta dalam penentuan-penentuan piawai.
32. Kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk membuat kaedah-kaedah.
33. Sekatan atas penggunaan perkataan-perkataan "Piawai Malaysia".
34. Kesalahan-kesalahan pelbagai.
35. Ciri-ciri barangan, dll. boleh ditetapkan dengan merujuk kepada penentuan-penentuan piawai.
36. Sebutan dan bukti penentuan-penentuan.
37. Peruntukan-peruntukan perlindungan.

BAHAGIAN VIII

TAMBAHAN

Seksyen

38. Bayaran.
39. Hak mempunyai apa yang didapati, dicipta dan diperbaiki.
40. Penjawat awam.
41. Kerahsiaan.

BAHAGIAN IX

PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN

42. Pemansuhan dan pembubaran.
43. Pindahmilik kuasa, hak, tanggungan, dan kewajipan.
44. Pindahmilik harta.
45. Kontrek yang sedia ada.
46. Penerusan pembicaraan jenayah dan sivil.
47. Pindahmilik kumpulanwang.
48. Pegawai dan penjawat diambil bekerja seterusnya.
49. Perkecualian penentuan, tanda, dan lesen.
50. Mengelakkan anomali-anomali.

A.A 403/77
A.A. 856/93.



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 157

## AKTA INSTITIUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN), 1975

Suatu Akta bagi menubuhkan Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia untuk menggantikan Institiut Piawaian Malaysia dan Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan; bagi mengadakan peruntukan untuk memaju dan menjalankan penyelidikan perindustrian dan untuk menyedia dan memajukan piawaian-piawaian bagi barangan-barangan, proses-proses, ~~dan~~ amalan-amalan; dan bagi mengadakan peruntukan untuk perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengan maksud-maksud itu.

dan perkhidmatan-perkhidmatan. AA856.

d/AA856.

[ * 16.9.1975 ]

PU(B)378/75

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

### BAHAGIAN I
### PERMULAAN

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan), 1975, dan hendaklah dipakai di seluruh Malaysia. **Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.**

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta;* dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi peruntukan-peruntukan Akta ini yang berlainan.

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— **Tafsiran.**

"akreditasi" ---- ← AA856

"barangan" ertinya apa-apa barang, keluaran, atau benda yang menjadi perkara perdagangan atau perniagaan;

"Institiut" ertinya Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia; yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 AA856

"jawatankuasa" ---- ← AA856

"kaedah-kaedah" ertinya kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 21;

"Majlis" ertinya Majlis Institiut;

"penentuan" ertinya perihal sesuatu barangan, proses, ~~atau~~ amalan dengan merujuk kepada jenisnya, kualitinya, kekuatannya, kebersihannya, komposisinya, kuantitinya, dimensanya, beratnya, grednya, lamatahannya, asalnya, umurnya, atau lain-lain ciri-ciri atau perihal sesuatu barangan dengan merujuk kepada apa-apa tanda atau label pada barangan itu, dan termasuklah daftar istilah-istilah, sesuatu takrif, sesuatu simbol dan sesuatu amalan yang disyorkan;

"penentuan piawai" ertinya suatu penentuan yang telah diisytiharkan sebagai suatu penentuan piawai menurut seksyen 28;

~~"Pengarah" ertinya Pengarah Institiut~~;

~~"Pengawal" ertinya Pengawal Institiut~~;

"Pengerusi" dan "Timbalan Pengerusi" masing-masing ertinya Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Majlis;

"tanda" termasuklah apa-apa devais, jenama, tajuk, label, tiket, nama, tandatangan, perkataan, huruf, angka dan apa-apa gabungannya;

"tanda piawai" ertinya suatu tanda yang didaftarkan sebagai sesuatu cap dagangan perakuan menurut seksyen 29.

## BAHAGIAN II

## INSTITIUT

**Penubuhan Institiut.**

**3.** Maka adalah dengan ini ditubuhkan sebuah institiut yang mana hendaklah dinamakan sebagai Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia dan yang mana boleh bagi segala maksud disebut secara pendek sebagai SIRIM.

**Tugas-tugas Institiut.**

**4.** Tugas-tugas Institiut ialah—

(*a*) untuk meninggikan, memajukan dan mengumumkan piawaian-piawaian bagi perdagangan dan perindustrian dan bagi barang-barang yang dikeluarkan dalam atau yang diimpot ke dalam Malaysia samada bagi kegunaan dalam Malaysia atau bagi ekspot atau ekspot semula;

(*b*) untuk memajukan kecekapan dan perkembangan perindustrian;

(*c*) untuk memajukan kebajikan, kesihatan dan keselamatan awam dan perindustrian;

(*d*) untuk memajukan dan menjalankan penyelidikan/ perindustrian dengan tujuan untuk— /saintifik dan AA856.

(i) memperbaiki proses-proses dan cara-cara teknik;

(ii) mendapatkan proses-proses dan cara-cara baru;

(iii) menggalakkan penggunaan keluaran-keluaran Malaysia; dan

(iv) menerima dan memakai atau mensesuaikan teknoloji yang dimajukan di lain-lain negara untuk digunakan dalam Malaysia,

dan untuk menggunakan hasil-hasil penyelidikan itu;

(*e*) untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan perundingan dan pengembangan perindustrian bagi membantu perindustrian untuk menepati piawaian-piawaian; dan

(*f*) amnya untuk memperbaiki proses-proses dan teknik-teknik pengeluaran.

**Kuasa-kuasa Institiut.**

**5.** Institiut boleh membuat segala perkara sebagaimana yang menasabah perlu atau mustahak bagi menyempurnakan tugas-tugasnya atau yang bersampingan dengan atau yang berbangkit dari penyempurnaan tugas-tugasnya, dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan kuasa-kuasa Institiut atau mana-mana kuasa lain yang diberi oleh Akta ini, Institiut boleh—

(*a*) menyedia, merangka, mengubahsuai, atau meminda penentuan-penentuan dan mengumumkan penentuan-penentuan piawai;

(aa), (ab), (ac), (ad) dan (ae) ---- ← AA856.

(*b*) memajukan penyelidikan berkenaan dengan penentuan-penentuan dan mengadakan peruntukan bagi memeriksa/dan menguji barangan-barangan, proses-proses,% ~~dan amalan-amalan~~ dan bagi maksud-maksud itu menubuhkan makmal-makmal dan lain-lain kemudahan sebagaimana yang difikirkannya patut;

/menilai AA856.

%amalan-amalan dan perkhidmatan-perkhidmatan. AA856

(c) membuat peruntukan bagi mendaftarkan tanda-tanda piawai dan mengawal penggunaannya;

(d) menggalak dan menjalankan kerja pendidikan berkaitan dengan ~~pemiawaian~~;

(e) mengumpul dan menyebar dengan apa-apa cara yang sesuai, termasuklah penerbitan laporan-lapuran, risalah-risalah, buku-buku kecil, majallah dan lain-lain perkara, maklumat berkenaan dengan ~~pemiawaian~~ dan perkara-perkara yang berkaitan;

(f) memaju dan menyenggara suatu kumpulan bahan-bahan perpustakaan dan muzium yang berkenaan dengan ~~pemiawaian~~ dan perkara-perkara yang berkaitan;

(g) membantu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, pihakberkuasa tempatan, ~~dan lain-lain badan awam~~ dalam menyediakan apa-apa penentuan yang dikehendaki oleh mereka;

(h) bekerjasama dengan sektor perindustrian, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, pihakberkuasa tempatan, dan lain-lain badan atau pihakberkuasa awam dengan tujuan supaya dapat diterima dan dipakai piawaian-piawaian;

(i) bekerjasama dengan mana-mana orang, persatuan, atau pertubuhan di luar Malaysia yang mempunyai tugas-tugas yang serupa dengan tugas-tugas Institiut, dengan tujuan untuk mencapai ~~pelaksanaan yang berkesan akan tugas-tugas~~ Institiut;

(j) memujukrayu untuk mendapatkan dan menerima bagi maksud Institiut apa-apa wang, tanah, atau lain-lain harta daripada mana-mana kumpulan orang atau pertubuhan melalui pemberian, subsidi, derma, hadiah, yuran, atau selainnya, dan, jika ia menerima wang, tanah, atau lain-lain harta itu, memberi kepada kumpulan orang atau pertubuhan itu apa-apa konsesyen atau faedah sebagaimana yang difikirkannya patut;

(k) menjadi ahli atau bergabung dengan mana-mana badan antarabangsa yang berkenaan dengan pemiawaian dan perkara-perkara yang berkaitan;

(l) menerima dan memakai dengan atau tanpa ubah-suaian apa-apa penentuan antarabangsa atau penentuan asing sebagaimana yang sesuai untuk digunakan di Malaysia;

(*m*) melantik ejen-ejen di Malaysia atau di luar Malaysia bagi apa-apa maksud sebagaimana yang ditentukan oleh Institiut;

(*n*) menubuhkan pejabat-pejabat cawangan bagi Institiut di Malaysia;

(*o*) menjalankan ujian-ujian, ~~penyiasatan dan penyelidikan~~ mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Institiut dengan tujuan untuk memperbaiki proses-proses dan cara-cara teknik yang digunakan dalam perindustrian dan untuk mendapatkan proses-proses dan cara-cara yang boleh memajukan perluasan perindustrian-perindustrian yang sedia ada, perkembangan perindustrian-perindustrian yang baru, atau penggunaan yang lebih baik akan keluaran buangan; (penyelidikan dan pembangunan termasuk rekabentuk AA856.)

(*p*) menasihatkan tentang soal-soal dari jenis sains, teknoloji, atau tekno-ekonomi yang menyentuh penggunaan sumber alam dan perkembangan enterprais-enterprais pengeluaran dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan;

(*q*) memajukan latihan bagi pekerja-pekerja penyelidikan dalam lapangan perindustrian;

(*r*) menjalankan atau bekerja bersama-sama dalam menyedia, menerbit dan menyebarkan maklumat teknik yang berguna;

(*s*) bekerjasama dengan Jabatan-jabatan Kerajaan, institusi-institusi penyelidikan, universiti-universiti, kolej-kolej teknik, pertubuhan-pertubuhan teknik atau sains, dan lain-lain badan untuk memajukan penyelidikan perindustrian dan latihan bagi penyiasat-penyiasat dalam sains tulin dan sains gunaan, pakar-pakar teknik, tukang-tukang tangan, dan artisan-artisan; (saintifik dan AA856.)

(*t*) selainnya membantu dalam memajukan penyelidikan perindustrian dan latihan teknik; (saintifik dan AA856.)

(u), (v), (w) dan (x) --- ← AA856.

## BAHAGIAN III

### MAJLIS

**6.** Bagi maksud melaksanakan tugas-tugas dan menjalankan kuasa-kuasa dan mengarah dan menguruskan hal-ehwal Institiut, maka adalah dengan ini ditubuhkan Majlis *Penubuhan Majlis.*

Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia yang mana adalah suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri, dan yang boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrek-kontrek dan memperolehi dan memegang harta alih atau harta takalih, dan melupuskannya atau dengan cara lain membuat apa-apa urusan mengenainya.

subs/AA856.

Keahlian Majlis.

**7.** (1) Majlis hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

(*a*) seorang Pengerusi;

(*b*) Pengawal Institiut yang mana hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;

(*c*) seorang wakil dari Kementerian yang bertanggungjawab bagi Institiut;

(*d*) seorang wakil dari Jabatan Perdana Menteri;

(*e*) seorang wakil dari Perbendaharaan;

(*f*) seorang wakil dari Kementerian yang bertanggungjawab bagi kemajuan perindustrian pada amnya;

(*g*) seorang wakil dari Kementerian yang bertanggungjawab bagi kemajuan pertanian;

(*h*) seorang wakil dari Kementerian Pertahanan;

(*i*) seorang wakil dari Kementerian yang bertanggungjawab bagi jentera;

(*j*) seorang wakil dari Kementerian yang bertanggungjawab bagi perhubungan;

(*k*) seorang wakil dari Kementerian yang bertanggungjawab bagi kerja raya;

(*l*) seorang wakil bagi Negeri-negeri;

(*m*) seorang wakil dari Lembaga Letrik Negara;

(*n*) seorang wakil dari dewan perniagaan;

(*o*) seorang dari dewan atau persatuan pengilang;

(*p*) seorang wakil dari Institusi Jurutera-jurutera (Malaysia);

(*q*) seorang wakil dari Pertubuhan Akitek-akitek Malaysia;

(*r*) seorang dari mana-mana badan bagi kemajuan daya pengeluaran;

(*s*) seorang dari mana-mana badan bagi kemajuan perindustrian dan ekonomi;

(*t*) seorang wakil dari pertubuhan-pertubuhan pengguna;

(*u*) empat orang ahli sains yang mana dua daripadanya hendaklah dari institusi-institusi pengajian tinggi.

(2) Ahli-ahli Majlis, lain daripada Pengawal, hendaklah dilantik oleh Menteri dan, tertakluk kepada seksyen-seksyen 8 dan 9, hendaklah, melainkan jika mereka meletakkan jawatan atau perlantikan mereka dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(3) Ahli-ahli Majlis atau ahli-ahli mana-mana daripada jawatankuasa-jawatankuasanya boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Timbalan Pengerusi hendaklah menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan Pengerusi di bawah Akta ini jika dalam mana-mana suatu tempoh Pengerusi tidak dapat menjalankan kuasa-kuasanya atau tidak dapat melaksanakan kewajipan-kewajipannya oleh sebab ia tidak ada dalam Malaysia atau ia sakit atau oleh apa-apa sebab lain.

7A, 7B. ----

**8.** (1) Tertakluk kepada seksyen 9 (2), seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan-perenggan (*a*) hingga (*l*) seksyen 7 (1), lain daripada Pengawal, hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tiga tahun dan adalah layak dilantik semula; dan seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan-perenggan (*m*) hingga (*u*) hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tidak lebih daripada tiga tahun pada satu-satu masa. Tempoh jawatan. ← AA856. d/AA856

(2) Walau apapun peruntukan lain dalam Akta ini, Pengerusi, melainkan jika ia telah meletakkan jawatan atau telah dipecat dari jawatan di bawah seksyen 9, hendaklah terus lagi memegang jawatan sehingga penggantinya memegang jawatan.

Meletak jawatan dan pemecatan.

**9.** (1) Seseorang ahli Majlis yang bukan pegawai awam, lain daripada Pengawal, boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan notis bertulis yang dialamatkan kepada Setiausaha Majlis.

(2) Seseorang ahli Majlis, lain daripada Pengawal, boleh pada bila-bila masa dipecat dari jawatan oleh Menteri kerana hilang upaya, bankrap, cuai menjalankan kewajipan, atau salahlaku yang dibuktikan dengan memuaskan hati Menteri.

Hilang kelayakan menjadi ahli.

**10.** Orang-orang yang berikut adalah hilang kelayakan daripada dilantik atau menjadi ahli-ahli Majlis:

(*a*) seseorang yang tidak sempurna akal atau yang selainnya tidak berdaya menjalankan kewajipannya atau menguruskan hal ehwalnya;

(*b*) seseorang yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan dan dihukum penjara selama tidak kurang daripada satu tahun;

(*c*) seseorang yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan frod, kecurangan, atau keburukan akhlak; dan

(*d*) seseorang bankrap.

Kekosongan jawatan.

**11.** Seseorang ahli Majlis, lain daripada Pengawal, hendaklah disifatkan sebagai telah mengosongkan jawatannya—

(*a*) apabila ia mati;

(*b*) apabila ia meletakkan jawatan;

(*c*) apabila ia tidak hadir mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi.

Perjalanan Majlis.

**12.** (1) Majlis hendaklah mengadakan mesyuarat seberapa kerap dan pada masa-masa dan tempat-tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi tetapi hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua mesyuarat dalam satu tahun.

(2) Mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah dipanggil oleh Setiausaha yang mana hendaklah memberi sekurang-kurangnya dua puluh satu hari notis mengenai mesyuarat itu dan mengenai urusan yang hendak dijalankan dalam mesyuarat itu.

(3) Dalam mana-mana mesyuarat Majlis, duabelas orang ahli yang hadir adalah mencukupi koram.

(4) Dalam tiap-tiap mesyuarat Majlis—

(*a*) Pengerusi hendaklah mengetuai mesyuarat;

(*b*) jika Pengerusi tidak hadir maka Timbalan Pengerusi hendaklah mengetuai mesyuarat;

(*c*) jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir maka ahli-ahli yang hadir hendaklah melantik salah seorang daripada mereka untuk mengetuai mesyuarat.

(5) Orang yang mengetuai mesyuarat Majlis hendaklah mempunyai suatu undi asal dan jika bilangan undi sama banyak ia adalah berhak memberi undi pemutus.

(6) Seorang ahli Majlis boleh melantik seorang ahli lain untuk menjadi proksinya, dan proksi yang dilantik sedemikian boleh sebagai tambahan kepada undinya sendiri membuang undi bagi ahli yang melantiknya, tetapi seseorang proksi tidak boleh membuang lebih daripada tiga undi sebagai tambahan kepada undinya sendiri.

(7) Tiap-tiap soal di hadapan Majlis hendaklah diputuskan dengan undi lebih suara.

(8) Majlis hendaklah mengarahkan supaya minit yang sepatutnya disimpan mengenai perjalanannya pada tiap-tiap satu mesyuarat, dan mana-mana minit itu yang berupa sebagai ditandatangani oleh orang yang mengetuai mesyuarat yang berkenaan itu atau mesyuarat yang berikutnya hendaklah tanpa dibuktikan selanjutnya menjadi keterangan mengenai ahli-ahli yang hadir dan urusan yang dijalankan dalam mesyuarat itu.

(9) Tertakluk kepada seksyen-kecil (10), sesuatu soal di hadapan Majlis yang tidak dikehendaki oleh Akta ini atau oleh kaedah-kaedah untuk diputuskan dalam sesuatu mesyuarat boleh diundi dan diputuskan dengan cara kertas undi yang dihantar melalui pos.

(10) Keputusan mengenai sesuatu soal di bawah seksyen-kecil (9) tidak akan berkesan melainkan jika—

(*a*) kertas undi telah dihantar kepada tiap-tiap ahli yang berhak mengundi; dan

(*b*) kertas itu menyatakan dengan jelas tentang soal yang hendak diputuskan dan tarikh akhir bagi penerimaan undi oleh Majlis dan tarikh itu hendaklah tidak kurang daripada dua puluh satu hari selepas tarikh dikirim kertas itu.

(11) Tertakluk kepada Akta ini dan kepada kaedah-kaedah, Majlis boleh membuat peraturan mengenai acaranya sendiri.

*Kuasa Menteri untuk memberi arahan.*

**13.** Menteri boleh memberi kepada Majlis arahan-arahan secara am yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini tentang penjalanan tugas-tugas dan kuasa-kuasa Majlis dan Majlis hendaklah melaksanakan arahan-arahan itu.

*Kewajipan untuk memberi maklumat kepada Menteri.*

**14.** Majlis hendaklah memberi apa-apa maklumat kepada Menteri berkenaan dengan aktiviti-aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

*Pengesahan meteri.*

**15.** Meteri Majlis hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan seorang lagi ahli Majlis; dan apa-apa dokumen yang berupa sebagai dimeteri dengan meteri yang tersebut dan disahkan sedemikian hendaklah sehingga akasnya dibuktikan disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sahnya.

## BAHAGIAN IV

## PENGAWAL, PENGARAH DAN KAKITANGAN INSTITIUT

*Pengawal, Pengarah dan tugas-tugas mereka.*

**16.** (1) Maka hendaklah ada seorang Pengawal Institiut dan ia hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Maka hendaklah ada tiga orang Pengarah Institiut dan mereka hendaklah dilantik oleh Majlis dengan kelulusan Menteri.

(3) Majlis boleh dengan kelulusan Menteri melantik dari semasa ke semasa beberapa orang Pengarah tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(4) Pengawal dan Pengarah-pengarah hendaklah dilantik atas apa-apa had dan syarat tentang saraan dan selainnya sebagaimana yang ditentukan oleh pihakberkuasa pelantik dengan kelulusan Menteri Kewangan.

(5) Pengawal adalah ketua pegawai eksekutif bagi Institiut dan hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan dan menjalankan kuasa-kuasa sebagaimana yang ditentu atau diwakilkan oleh Majlis.

(6) Tertakluk kepada arahan dan kawalan Majlis, Pengawal hendaklah bertanggungjawab atas penjalanan Institiut dan pengawalan Pengarah-pengarah dan kakitangannya.

(7) Majlis hendaklah melantik seorang daripada Pengarah-pengarahnya untuk menjadi Pengarah Piawaian dan ia hendaklah bertanggungjawab secara terus atas, dan mempunyai kawalan terus akan, tugas-tugas dan aktiviti-aktiviti Institiut berkenaan dengan piawaian-piawaian; seorang lagi untuk menjadi Pengarah Penyelidikan Perindustrian dan ia hendaklah bertanggungjawab secara terus atas, dan mempunyai kawalan terus akan, tugas-tugas dan aktiviti-aktiviti Majlis berkenaan dengan penyelidikan perindustrian; dan seorang lagi untuk menjadi Pengarah Pentadbiran dan ia hendaklah bertanggungjawab secara terus atas, dan mempunyai kawalan terus akan, pentadbiran am Institiut, dan ia hendaklah juga menjadi Setiausaha Majlis.

(8) Sebagai tambahan kepada tugas-tugas mereka di bawah seksyen-kecil (7) Pengarah-pengarah hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan dan menjalankan kuasa-kuasa sebagaimana yang ditentu atau diwakilkan oleh Majlis.

(9) Jika dalam sesuatu tempoh, oleh sebab ia tidak ada dalam Malaysia atau ia sakit atau oleh apa-apa sebab lain, Pengawal tidak dapat menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan jawatannya, atau jika jawatan Pengawal pada masa itu kosong, maka Pengerusi hendaklah, dengan kelulusan Menteri, melantik seorang daripada Pengarah-pengarah itu untuk bertindak sebagai Pengawal; dan Pengarah yang dilantik sedemikian hendaklah menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan Pengawal sehingga pada suatu masa apabila Pengawal dapat menjalankan semula kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya atau sehingga seorang Pengawal lain dilantik di bawah seksyen-kecil (1).

**Lain-lain pegawai dan pekerja Institiut.**

**17.** Majlis boleh dari semasa ke semasa melantik dan mengambil bekerja, atas apa-apa had dan syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dengan kelulusan Menteri, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja sebagaimana yang pada pendapat Majlis perlu bagi melaksanakan Akta ini dengan sempurna.

**Pinjaman kepada pekerja-pekerja.**

**18.** Majlis boleh dengan kelulusan Menteri membuat peruntukan bagi memberi pinjaman kepada Pengawal, Pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, dan pekerja-pekerja Institiut bagi membeli kereta motor, basikal, atau bagi apa-apa maksud lain.

subs/AA886.

## BAHAGIAN V

## PENTADBIRAN

Jawatan-kuasa Majlis.

**19.** (1) Majlis hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Eksekutif yang mana—

(*a*) hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan lain-lain ahli Majlis sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis dan Pengerusi itu hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif; dan

(*b*) tertakluk kepada arahan dan kawalan am Majlis, hendaklah bertanggungjawab atas penjalanan hal-ehwal hari ke sehari Majlis ~~lain daripada~~ termasuk hal-ehwal kewangan.

A.A 403/77

(2) Majlis hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Kewangan yang mana—

(*a*) hendaklah terdiri daripada ahli Majlis yang dilantik di bawah seksyen 7 (1) (*e*) dan lain-lain ahli Majlis sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis dan ahli yang dilantik di bawah seksyen 7 (1) (*e*) itu hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kewangan; dan

Sub. by: A.A 403/77

(*b*) tertakluk kepada arahan dan kawalan am Majlis, hendaklah bertanggungjawab atas penjalanan hal-ehwal kewangan Majlis.

(3) Majlis hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Piawaian yang mana—

(*a*) hendaklah terdiri daripada ~~Pengarah Piawaian~~ dan lain-lain ahli Majlis sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis dan ~~Pengarah Piawaian~~ itu hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Piawaian; dan

Timbalan pengerusi (A.A 403/77)

(*b*) tertakluk kepada arahan dan kawalan am Majlis, hendaklah bertanggungjawab atas penjalanan segala aktiviti yang perlu bagi melaksanakan tugas-tugas dan menjalankan kuasa-kuasa Institiut berhubung dengan piawaian dan pemiawaian dan lain-lain perkara yang berkaitan.

(4) Majlis boleh—

(*a*) melantik jawatankuasa piawaian perindustrian untuk memberi nasihat kepada Majlis atas soal-soal pemiawaian yang menyentuh perindustrian-perindustrian tertentu;

(*b*) melantik lain-lain jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya mustahak untuk memberi nasihat kepada Majlis atas perkara-perkara berhubung dengan tugas-tugas Majlis sebagaimana yang dirujukkan kepada mereka;

(*c*) melantik seseorang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan (*a*) atau (*b*) samada ia seorang ahli Majlis atau bukan; dan

(*d*) tertakluk kepada batasan-batasan atau syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, memberi-kuasa kepada mana-mana jawatankuasa itu untuk mengambil masuk ahli-ahli tambahan samada mereka itu ahli-ahli Majlis atau bukan.

(5) Tertakluk kepada Akta ini dan kaedah-kaedah dan apa-apa arahan yang diberi oleh Majlis, sesuatu jawatan-kuasa yang dilantik di bawah seksyen ini boleh membuat peraturan mengenai acaranya sendiri.

19A, 19B, 19C, 19D, 19E, 19F, 19G dan 19H. ← AA856.

**20.** (1) Tertakluk kepada seksyen-kecil (2) dan kepada batasan-batasan atau syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, Majlis boleh mewakilkan mana-mana daripada tugas-tugas atau kuasa-kuasanya, kecuali kuasa untuk membuat kaedah-kaedah di bawah seksyen 21 dan kuasa pewakilan yang diberi oleh seksyen-kecil ini, kepada— **Kuasa pewakilan.**

(*a*) mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 19; atau subs/AA856.

(*b*) Pengawal, mana-mana Pengarah, atau mana-mana pegawai Majlis.

(2) Majlis tidak boleh mewakilkan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 30 (8) melainkan kepada Jawatankuasa Piawaian. subs/AA856.

(3) Tertakluk kepada batasan-batasan atau syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh jawatankuasa atau Majlis, sesuatu jawatankuasa ~~yang dilantik di bawah seksyen 19~~ boleh mewakilkan mana-mana daripada tugas-tugas atau kuasa-kuasanya, termasuk mana-mana tugas atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen-kecil (1), kepada— d/AA856.

(*a*) suatu jawatankuasa-kecil yang dilantik olehnya sendiri ~~dari antara ahli-ahlinya sendiri~~; atau d/AA856.

(*b*) mana-mana daripada ahli-ahlinya.

(4) Jika sesuatu jawatankuasa, jawatankuasa-kecil, atau seseorang berupa sebagai bertindak menurut perwakilan di bawah seksyen-kecil (1) atau (3), jawatankuasa, jawatankuasa-kecil, atau seseorang itu hendaklah dianggap sebagai bertindak mengikut syarat-syarat perwakilan jika tiada apa-apa bukti sebaliknya.

(5) Sesuatu perwakilan di bawah seksyen-kecil (1) atau (3) boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Majlis atau jawatankuasa yang mewakilkan itu, mengikut mana yang berkenaan, dan perwakilan itu tidak boleh menghalang penjalanan apa-apa tugas atau kuasa oleh Majlis atau jawatankuasa yang mewakilkan itu.

Kuasa untuk membuat kaedah.

**21.** (1) Tertakluk kepada seksyen-kecil (2) dan (3), Majlis boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan secara lebih baik lagi maksud-maksud dan peruntukan-peruntukan Akta ini dan tugas-tugas dan kuasa-kuasa Institiut dan khususnya bagi semua atau mana-mana daripada maksud-maksud yang berikut—

(*a*) menetapkan cara bagaimana penentuan-penentuan boleh diisytiharkan sebagai penentuan-penentuan piawai;

(*b*) membuat peraturan mengenai pengumuman penentuan-penentuan piawai;

(*c*) mengadakan peruntukan-peruntukan bagi pindaan atau penarikbalikan apa-apa penentuan piawai dan membuat peraturan mengenai acara berkenaan dengannya;

(*d*) membuat peraturan mengenai pengeluaran lesen-lesen bagi menggunakan tanda-tanda piawai, menetapkan had-had dan syarat-syarat yang ke atasnya atau tertakluk kepadanya lesen-lesen itu boleh dikeluarkan, dan membuat peraturan mengenai pembaharuan, penggantungan, atau pembatalannya dan membuat peraturan mengenai acara untuk merayu terhadap sesuatu penggantungan atau pembatalan itu;

atau perakuan-perakuan AA856.

AA856. → (da), (db), dan (dc) ----

(*e*) menetapkan cara untuk membuktikan tentang adanya atau tidak adanya, atau tentang had-had dan syarat-syarat, sesuatu lesen yang diberi di bawah Akta ini;

, perakuan, perakuan akreditasi atau pendaftaran. AA856.

(*f*) menetapkan borang-borang bagi maksud Akta ini;

(g) menetapkan harga jualan atau cara menetapkan harga jualan bagi salinan-salinan penentuan-penentuan piawai atau lain-lain penerbitan;

(h) menetapkan perkara-perkara yang berkenaan dengannya bayaran adalah kena dibayar di bawah Akta ini atau di bawah kaedah-kaedah, amaun bayaran, dan orang-orang yang bertanggungan membayarnya;

(i) membenarkan dipulangkan balik atau dikurangkan, dalam hal keadaan sebagaimana yang ditetapkan, apa-apa bayaran yang kena dibayar di bawah Akta ini atau di bawah kaedah-kaedah;

(j) menetapkan acara yang hendak diikut dalam mesyuarat ~~Majlis atau sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 19~~; Lembaga, Majlis atau jawatankuasa AA856.

(k) menetapkan kewajipan-kewajipan Pengawal, Pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Majlis; subs/AA856.

(ka), (kb), dan (kc) ---- ← AA856

(l) mengadakan peruntukan bagi jagaan harta Majlis, dan jagaan dan penggunaan meteri Majlis;

(m) menetapkan cara menyampaikan atau menyerahkan notis dan lain-lain dokumen bagi maksud Akta ini;

(n) mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara sebagaimana yang perlu atau mustahak bagi pentadbiran hal-ehwal ~~Majlis atau sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 19~~. Lembaga, Majlis atau jawatankuasa; dan AA856.

(o) ---- ← AA856.

(2) Jika dicadangkan untuk dikemukakan kepada mana-mana mesyuarat Majlis suatu usul bagi membuat atau meminda atau membatalkan kaedah-kaedah, maka notis bertulis mengenai usul itu hendaklah diberi kepada tiap-tiap ahli Majlis yang ada dalam Malaysia sekurang-kurangnya ~~dua puluh satu~~ hari sebelum tarikh mesyuarat itu. empat belas AA856.

(3) Semua kaedah yang dibuat di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah dikemukakan kepada Menteri dengan seberapa segera yang boleh selepas dibuat dan kaedah-kaedah itu tidaklah berkuatkuasa sehingga ianya diluluskan oleh Menteri.

BAHAGIAN VA ---- ← AA856.

## BAHAGIAN VI

## KEWANGAN DAN LAPURAN

*Kumpulan-wang.*

**22.** (1) Bagi maksud Akta ini maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu kumpulanwang yang hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Majlis.

(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam kumpulanwang itu—

(*a*) semua wang yang diuntukkan dari semasa ke semasa oleh Parlimen bagi maksud Institiut;

(*b*) semua wang yang dibayar kepada atau diterima oleh Institiut berikutan dengan pungutan bayaran atau jualan penerbitan-penerbitan;

(*c*) semua wang yang diterima oleh Institiut menurut seksyen 39 (2);

(*d*) semua wang yang diterima oleh Institiut dengan cara pemberian, sumbangan, endowmen, subsidi, hadiah, wasiat, derma, yuran, sewa, bunga, dan royalti;

(*e*) semua wang lain yang dibayar kepada atau diterima dengan sah di sisi undang-undang oleh Institiut; dan

(*f*) semua kumpulan pendapatan yang diperolehi dari wang yang dibayar ke dalam kumpulanwang itu.

(3) Maka hendaklah dibayar dari kumpulanwang itu—

(*a*) apa-apa perbelanjaan berhubung dengan pentadbiran dan tugas-tugas Institiut sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri; dan

(*b*) apa-apa perbelanjaan lain sebagaimana yang dibayar mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini.

*Pelaburan.*

**23.** Tertakluk kepada syarat-syarat sesuatu amanah atau endowmen, wang kepunyaan Institiut dan yang boleh digunakan untuk pelaburan boleh dilabur mengikut undang-undang yang mengawal pelaburan kumpulanwang amanah.

*Kuasa untuk meminjam.*

**24.** Dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu dari Menteri Kewangan, Majlis boleh meminjam wang dari Kerajaan atau dari seseorang dan, bagi maksud mengadakan cagaran bagi wang yang dipinjam sedemikian, boleh menggadaijanji, menggadai, atau menyandarkan apa-apa hak, hakmilik, harta, atau kepentingan dalam mana-mana daripada hartanya.

**25.** (1) Sebelum permulaan bulan Julai tiap-tiap tahun Majlis hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaannya termasuk perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan, bagi tahun yang berikut dalam bentuk dan dengan butir-butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri, dan Menteri hendaklah sebelum permulaan bulan November tahun itu memberitahu Majlis akan amaun perbelanjaan yang dibenarkan dengan persetujuan Menteri Kewangan pada amnya atau bagi tiap-tiap perihal perbelanjaan. Anggaran.

(2) Majlis boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh dengan persetujuan Menteri Kewangan membenarkan semua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang dimasukkan di dalamnya itu.

**26.** (1) Majlis hendaklah menyenggara akaun-akaun yang sepatutnya dan lain-lain rekod berkenaan dengan pengendaliannya, dan hendaklah menyediakan penyata akaun berkenaan dengan tiap-tiap satu tahun kewangan. Akaun dan odit.

(2) Akaun-akaun Majlis hendaklah diodit tiap-tiap tahun oleh Juruodit Negara atau juruodit lain yang dilantik oleh Majlis dengan kelulusan Menteri Kewangan.

(3) Selepas berakhir tiap-tiap satu tahun kewangan, dan sebaik-baik sahaja akaun Majlis telah diodit, Majlis hendaklah mengarahkan supaya satu salinan penyata akaun itu dihantar kepada Menteri bersama dengan satu salinan pandangan-pandangan yang dibuat oleh Juruodit Negara atau juruodit lain yang dilantik di bawah seksyen-kecil (2) mengenai apa-apa penyata akaun atau mengenai akaun-akaun Majlis.

(4) Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang boleh mengarahkan supaya satu salinan bagi tiap-tiap penyata dan pandangan itu dibentangkan di hadapan tiap-tiap Majlis Parlimen.

**27.** (1) Majlis hendaklah, tidak lewat daripada 30hb Jun tiap-tiap tahun, mengarahkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu lapuran berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Majlis dalam tahun yang dahulunya dan mengandungi apa-apa maklumat berkenaan dengan perjalanan dan dasar Majlis sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa. Lapuran tahunan.

(2) Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang boleh mengarahkan supaya satu salinan bagi tiap-tiap lapuran itu dibentangkan di hadapan tiap-tiap Majlis Parlimen.

AA856. → 27A. ----

## BAHAGIAN VII

### PIAWAIAN

Penentuan-penentuan piawai.

**28.** (1) Majlis boleh mengisytiharkan apa-apa penentuan, termasuk apa-apa penentuan antarabangsa atau penentuan asing yang ia telah ambil dan terima dengan atau tanpa ubahsuaian, sebagai suatu penentuan piawai/bagi maksud Akta ini, dan boleh meminda atau menarikbalik mana-mana penentuan piawai/

/atau penentuan standard sementara. AA856. → (1A) ----

(2) Jika mana-mana undang-undang bertulis, lain daripada Akta ini, menetapkan, atau membenarkan dibuat perundangan kecil untuk menetapkan, apa-apa ciri bagi mana-mana barangan, proses,X ~~atau amalan~~, maka Majlis tidak boleh—

/atau penentuan standard sementara AA856.

(*a*) mengisytiharkan apa-apa penentuan berkenaan dengan barangan, proses,X ~~atau amalan~~ itu untuk menjadi suatu penentuan piawai; atau

X amalan atau perkhidmatan AA856.

(*b*) meminda atau menarikbalik penentuan piawai yang diisytiharkan berkenaan dengan barangan, proses, X ~~atau amalan~~ itu,

kecuali dengan kelulusan Menteri atau lain-lain pihak-berkuasa yang bertanggungjawab bagi pentadbiran undang-undang bertulis itu.

(3) Tiada apa-apa penentuan boleh diisytiharkan sebagai penentuan piawai, dan tiada apa-apa penentuan piawai boleh dipinda atau ditarikbalik, melainkan jika Majlis berpuashati bahawa orang-orang yang mungkin terlibat dengan perisytiharan, pindaan, atau penarikbalikan itu telah mendapat peluang untuk menimbangkannya dan memberi ulasan mengenainya kepada Majlis atau kepada suatu jawatankuasa Majlis yang berkenaan:

AA856. AA856 → Dengan ----

(4) Perisytiharan, pindaan atau penarikbalikan sesuatu penentuan piawai hendaklah diumumkan mengikut cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah atau, jika kaedah-kaedah itu belum dibuat, mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(5) Majlis hendaklah mengarahkan supaya fakta perisytiharan, pindaan, atau penarikbalikan itu, tetapi bukan teks penentuan yang diisytihar, dipinda, atau ditarikbalik, dan tarikh bila ianya akan berkuatkuasa diberitahu dalam *Warta*.

(6) Jika tiada apa-apa bukti sebaliknya—

(*a*) sesuatu pemberitahu dalam *Warta* di bawah seksyen-kecil (5) hendaklah menjadi keterangan yang cukup mengenai perkara yang dinyatakan di dalamnya; dan

(*b*) fakta bahawa sesuatu penentuan telah diisytiharkan sebagai suatu penentuan piawai atau bahawa sesuatu penentuan piawai telah dipinda atau ditarikbalik hendaklah menjadi keterangan yang cukup bahawa kehendak-kehendak seksyen ini telah dipatuhi.

Pendaftaran tanda-tanda sebagai cap dagangan perakuan.

**29.** (1) Majlis boleh memohon kepada Pendaftar Cap Dagangan untuk didaftarkan apa-apa tanda sebagai suatu cap dagangan perakuan di bawah ~~seksyen 75 Ordinan Cap Dagangan, 1950~~.

~~26/50.~~ Akta 175 AA856.

(2) Walau apapun peruntukan yang ada sebaliknya dalam ~~Ordinan~~ itu—

seksyen 56 Akta Cap Dagangan 1976 AA856.

subs/AA856.

(*a*) sesuatu tanda yang disesuaikan berkenaan dengan apa-apa barang bagi membezakan dalam perjalanan perdagangan barang-barang yang menepati sesuatu penentuan piawai dengan barang-barang yang tidak menepati penentuan piawai itu atau mana-mana lain penentuan piawai bolehlah didaftarkan sebagai suatu cap dagangan perakuan di bawah seksyen 75 Ordinan itu berkenaan dengan barang-barang yang pertama tersebut itu atas nama Majlis sebagai tuanpunya cap dagangan perakuan itu;

Akta cap Dagangan 1976. AA856.

(*b*) mana-mana cap dagangan perakuan itu boleh mengandungi atau terdiri daripada perkataan-perkataan "Piawai Malaysia" atau kependekan "SIM"; dan berkenaan dengan permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini, perkataan-perkataan dan kependekan itu hendaklah disifatkan, bagi

atau SIRIM (A.A 403/77)

maksud seksyen 75 (2) Ordinan itu, sebagai disesuaikan pada asasnya untuk membezakan sebagaimana dinyatakan dalam perenggan (*a*);

(*c*) berkenaan dengan sesuatu permohonan yang dibuat menurut seksyen ini dan sesuatu cap dagangan perakuan yang didaftarkan menurut permohonan itu, seksyen 75 Ordinan itu hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang tersebut terlebih dahulu dalam seksyen ini dan seolah-olah rujukan-rujukan dalam seksyen 75 Ordinan itu mengenai peraturan-peraturan yang berkenaan dengan penggunaan cap dagangan perakuan telah ditinggalkan; dan

(*d*) kecuali menurut sesuatu permohonan yang dibuat oleh Majlis di bawah seksyen ini, tiada apa-apa cap dagangan boleh didaftarkan di bawah Ordinan itu, samada sebagai cap dagangan perakuan atau selainnya, jika ia mengandungi atau terdiri daripada perkataan-perkataan "Piawai Malaysia" atau kependekan "SIM" atau jika ia sebegitu hampir serupa dengan perkataan-perkataan atau kependekan itu hingga boleh memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen-kecil (2) boleh ditafsirkan sebagai menyentuh sahnya apa-apa cap dagangan yang dicatitkan dalam Daftar Cap Dagangan sebelum 1hb Februari, 1967.

Lesen untuk menggunakan tanda-tanda piawai.

**30.** (1) Seseorang yang ingin menggunakan sesuatu tanda piawai berkenaan dengan apa-apa barangan, proses, atau amalan boleh membuat permohonan kepada Majlis mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis atau sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah.

(2) Jika atas sesuatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen-kecil (1) Majlis berpuashati bahawa barangan, proses, atau amalan yang berkenaan dengannya pemohon ingin menggunakan suatu tanda piawai menepati suatu penentuan piawai, Majlis boleh memberi kepada pemohon suatu lesen untuk menggunakan tanda piawai itu tertakluk kepada apa-apa syarat, jika ada, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis atau sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah.

(3) Tiada sesuatu lesen di bawah seksyen ini boleh diberi bagi tempoh lebih daripada satu tahun tetapi—

(a) selagi syarat-syarat lesen itu dipatuhi, lesen itu boleh dari semasa ke semasa dibaharui oleh Majlis bagi tempoh atau tempoh-tempoh, tidak lebih daripada satu tahun pada sesuatu kali, sebagaimana yang difikirkannya patut;

(b) lesen itu hendaklah disifatkan sebagai dibaharui dari semasa ke semasa bagi tempoh satu tahun melainkan jika dibatalkan secara tertentu.

(4) Tiap-tiap orang yang memohon supaya suatu lesen diberi di bawah seksyen ini dan tiap-tiap orang yang kepadanya suatu lesen diberi sedemikian hendaklah, jika ia dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis pada bila-bila masa—

(a) mengemukakan untuk diperiksa atau diuji contoh-contoh barangan yang berkenaan dengannya lesen itu dipohon atau telah diberi;

(b) mengemukakan apa-apa maklumat berkenaan dengan pengeluaran dan ujian olehnya akan barangan itu atau berkenaan dengan proses atau amalan yang berkenaan dengannya lesen itu dipohon atau telah diberi.

(5) Sesuatu contoh yang dikehendaki di bawah seksyen-kecil (4) supaya dikemukakan untuk diperiksa atau diuji boleh dipilih secara rawak oleh seseorang yang bertindak bagi Majlis dan hendaklah dikemukakan kepada Majlis tanpa apa-apa bayaran dibuat oleh orang yang mengemukakannya itu.

(6) Apabila sesuatu contoh bagi sesuatu barangan telah dikemukakan atau dipilih untuk diperiksa atau diuji menurut seksyen ini, maka hendaklah dibayar kepada Majlis oleh pemohon atau pemegang lesen yang barangannya telah dikemukakan atau dipilih sedemikian kos yang menasabah bagi pemeriksaan atau ujian itu dan lain-lain kos sebagaimana yang menasabah dilakukan berhubung dengan pemeriksaan atau ujian itu.

(7) Majlis hendaklah menyenggara suatu daftar dalam mana hendaklah direkodkan butir-butir tiap-tiap lesen yang diberi di bawah seksyen ini dan yang hendaklah terbuka pada bila-bila masa yang menasabah untuk diperiksa oleh orangramai di pejabat Majlis.

(8) Majlis boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan sesuatu lesen/ yang diberi di bawah seksyen ini, tetapi—

/atau peraluan AA856

(a) seseorang pemegang lesen/ /~~yang lesennya~~ telah digantung atau dibatalkan oleh Jawatankuasa Piawaian pada menjalankan kuasa-kuasa yang diwakilkan kepadanya oleh Majlis boleh merayu kepada Majlis; dan

/atau peraluan yang lesen atau perakuannya AA856.

(b) seseorang pemegang lesen//~~yang lesennya~~ telah digantung atau dibatalkan oleh Majlis atau yang tidak puashati dengan keputusan Majlis atas sesuatu rayuan yang dibuat olehnya di bawah perenggan (a) boleh merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad.

AA856. → 30A. ----

**Hakcipta dalam penentuan-penentuan piawai.**

**31.** (1) Hakcipta dalam tiap-tiap penentuan piawai hendaklah terletakhak pada Majlis selama tempoh lima puluh tahun dari tarikh penentuan itu diisytiharkan buat pertama kalinya sebagai suatu penentuan piawai dan hendaklah tamat selepasnya, samada atau tidak penentuan itu telah dipinda kemudiannya.

(2) Sesuatu hakcipta yang berkuatkuasa menurut seksyen-kecil (1) hendaklah mendapat perlindungan yang sama seperti hakcipta yang berkuatkuasa menurut sesuatu undang-undang bertulis berhubung dengan hakcipta amnya, dan undang-undang bertulis itu hendaklah dipakai dengan sewajarnya.

**Kuasa/~~Yang di-Pertuan Agong~~ untuk membuat kaedah-kaedah.**

/Menteri AA856.

**32.** (1) /~~Yang di-Pertuan Agong~~ boleh membuat kaedah-kaedah—

(a) menghendaki mana-mana Jabatan Kerajaan atau mana-mana perbadanan awam mengiktiraf dan menggunakan penentuan piawai dalam menjalankan tugas-tugasnya, samada pada amnya atau dalam hal atau hal-hal tertentu;

/barangan AA856.

(b) dalam perkara-perkara yang menyentuh keselamatan, kesihatan, atau kebajikan awam, melarang pengimpotan, pengilangan, penjualan, atau penggunaan apa-apa /~~barang~~ tertentu jika ia tidak menepati sesuatu penentuan piawai tertentu dan mengadakan peruntukan bagi menguatkuasakan larangan itu dengan cara melesen, memeriksa, atau lain-lain cara yang sesuai.

(2) Dalam seksyen-kecil (1) "perbadanan awam" ertinya—

(*a*) suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan dengan undang-undang Persekutuan untuk menjalankan, lain daripada dengan tujuan untuk mendapat keuntungan, apa-apa tugas dari jenis awam, termasuklah mengadakan perkhidmatan keretapi, bekalan letrik, mengadakan lain-lain kemudahan awam dan perkhidmatan yang seumpamanya, pengurusan bagi mana-mana port atau pelabuhan, dan menjalankan pembangunan luar bandar atau bandar dan kemajuan perdagangan; atau

(*b*) suatu perbadanan yang mempunyai suatu modal syer dalam mana Kerajaan memegang kepentingan mengawal.

Sekatan atas penggunaan perkataan-perkataan "Piawai Malaysia". ✗AA856.

**33.** (1) Kecuali dengan persetujuan Menteri, tiada sesuatu kumpulan orang, perbadanan atau bukan perbadanan, boleh menjalankan tugas-tugas yang baginya ia ditubuhkan di bawah sesuatu nama yang mengandungi perkataan-perkataan "Piawai Malaysia" atau apa-apa kependekannya✗.

(2) Jika mana-mana undang-undang bertulis mengadakan peruntukan bagi pendaftaran mana-mana kumpulan orang, pihakberkuasa pendaftar boleh enggan mendaftarkan jika pada pendapatnya penggunaan nama dengan mana kumpulan orang itu ingin didaftarkan adalah dilarang oleh seksyen-kecil (1).

(3) Seksyen ini hendaklah dengan ubahsuaian yang perlu dipakai bagi orang perseorangan yang menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama atau stail, lain daripada nama atau stailnya sendiri.

(4) Mana-mana kumpulan orang atau seseorang yang melakukan sesuatu perbuatan berlawanan dengan seksyen ini adalah bersalah atas suatu kesalahan melainkan jika dibuktikan bahawa perbuatan itu telah dilakukan bukan kerana keuntungan atau bukan dengan niat hendak menipu dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada ✗~~lima ribu ringgit~~. ✗sepuluh ribu ringgit. AA856.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh dipakai bagi penggunaan oleh mana-mana kumpulan orang atau seseorang akan sesuatu nama yang telah digunakan dalam Malaysia sebelum 1hb Februari, 1967 oleh kumpulan orang atau orang itu, atau mana-mana peniaga sebelumnya bagi kumpulan orang atau orang itu.

Kesalahan-kesalahan pelbagai.

**34.** Seseorang yang—

(*a*) membuat sesuatu pernyataan atau pengemukaan, samada secara bertulis atau tidak, atau menggunakan sesuatu tanda berkenaan dengan apa-apa barangan, proses, atau amalan, yang menimbul atau mungkin menimbulkan sangkaan bahawa seseorang yang tidak dilesen untuk menggunakan sesuatu tanda piawai berkenaan dengan barangan, proses, atau amalan itu adalah dilesen sedemikian atau pun berhak menggunakan sesuatu tanda piawai; atau

(*b*) membuat sesuatu pernyataan atau pengemukaan, samada secara bertulis atau tidak, atau menggunakan sesuatu tanda yang menimbul atau mungkin menimbulkan sangkaan bahawa sesuatu barangan, proses atau—amalan adalah mematuhi sesuatu penentuan piawai pada halnya ia tidak mematuhi sedemikian; atau

(*c*) setelah diberi lesen untuk menggunakan sesuatu tanda piawai, menggunakan tanda piawai itu selepas lesennya dibatalkan atau menggunakannya dengan tidak mengikut had-had dan syarat-syarat lesennya,

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, denda tambahan tidak lebih daripada satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.

Ciri-ciri barangan, dll. boleh ditetapkan dengan merujuk kepada penentuan-penentuan piawai.

**35.** Jika mana-mana undang-undang bertulis memberi kuasa untuk menetapkan atau mentakrifkan, samada dengan perundangan kecil atau selainnya, apa-apa ciri bagi sesuatu barangan, proses, atau amalan, maka ciri-ciri itu atau mana-mana daripadanya boleh ditetapkan atau ditakrifkan dengan merujuk kepada mana-mana penentuan piawai atau bahagiannya.

Sebutan dan bukti penentuan-penentuan.

**36.** (1) Dalam mana-mana undang-undang bertulis sesuatu penentuan piawai boleh, tanpa menyentuh apa-apa cara penyebutan yang lain, disebut mengikut tailtel atau nombor yang diberi kepadanya oleh Majlis; dan mana-mana sebutan itu hendaklah, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, disifatkan sebagai merujuk kepada penentuan piawai itu sebagaimana yang berkuatkuasa pada masa undang-undang itu dibuat.

(2) Tanpa menyentuh apa-apa cara pembuktian yang lain, maka adalah dengan ini diisytiharkan bahawa pengemukaan dalam mana-mana pembicaraan di sisi undang-undang akan suatu salinan penentuan piawai yang berupa sebagai dikeluarkan oleh atau dengan kuasa Majlis adalah keterangan yang cukup mengenai penentuan piawai itu jika sekiranya tiada apa-apa bukti sebaliknya.

**37.** (1) Fakta bahawa— *Peruntukan-peruntukan perlindungan.*

(*a*) sesuatu barangan, proses, ~~atau~~ amalan adalah menepati atau dikatakan menepati suatu penentuan piawai; atau

(*b*) suatu tanda piawai adalah digunakan berkaitan dengan sesuatu barangan,

tidak boleh menimbulkan apa-apa tuntutan terhadap Institiut, Majlis, atau Kerajaan.

(2) Tiada seseorang ahli Majlis atau ahli sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 19 dan tiada seseorang pegawai atau penjawat Majlis boleh sendiri menjadi bertanggungan kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan atau kerana apa-apa kemungkiran yang dilakukan oleh Majlis, oleh jawatankuasa itu, atau oleh pegawai atau penjawat itu dengan suci hati dalam pengendalian Majlis atau jawatankuasa itu.

atau perkhidmatan AA866.

proses, amalan atau perkhidmatan AA866.

subs/AA866.

## Bahagian VIII

## TAMBAHAN

**38.** Majlis boleh dari semasa ke semasa menetapkan bayaran yang hendak dikenakan berkenaan dengan apa-apa penyelidikan, penyiasatan, ujian, nasihat atau lain-lain perkhidmatan yang Institiut diminta supaya menjalankan, memberi atau melaksanakan. *Bayaran.*

reka bentuk AA866.

**39.** (1) Hak mempunyai tiap-tiap proses, alat dan mesin yang didapati, dicipta atau diperbaiki oleh seorang pegawai atau pekerja Institiut semasa menjalankan kewajipan rasminya atau dalam tempoh pegawai atau pekerja itu bekerja atau dalam perkhidmatan Institiut hendaklah terletakhak pada Institiut, tetapi Majlis boleh dengan kelulusan Menteri membayar kepada pegawai atau pekerja itu suatu bonus bagi apa yang didapati, dicipta, atau diperbaiki itu. *Hak mempunyai apa yang didapati, dicipta dan diperbaiki.*

(2) Majlis boleh dengan kelulusan Menteri memberi apa yang didapati, dicipta atau diperbaiki dan yang terletakhak pada Institiut menurut kuasa seksyen-kecil (1) kepada seseorang tertakluk kepada pembayaran apa-apa bayaran atau royalti dan kepada apa-apa syarat, jika ada, sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dengan kelulusan Menteri.

subs/AA856.

Penjawat awam. *N.M.B. Bab 45. Sabah 3/59. Sarawak Bab 57.*

**40.** Semua ahli Majlis dan jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 19, Pengawal dan Pengarah-pengarah, dan semua pegawai dan pekerja Institiut hendaklah disifatkan sebagai penjawat-penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan yang berkenaan.

AA856. → 40A. ---

Kerahsiaan.

**41.** (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau maksud sesuatu pembicaraan jenayah di bawah Akta ini, seorang ahli Majlis atau sesuatu jawatankuasa ~~yang dilantik di bawah seksyen 19~~, Pengawal, ~~seseorang Pengarah~~, atau seseorang pegawai atau pekerja Institiut tidak boleh menzahirkan apa-apa maklumat berhubung dengan mana-mana satu urusan yang telah diperolehi olehnya semasa menjalankan kewajipannya dan yang tidak diumumkan menurut Akta ini.

/suatu Majlis, atau suatu jawatankuasa AA856. /atau suatu jawatankuasa AA856.

(2) Segala maklumat yang diperolehi oleh Majlis, Pengawal, ~~seseorang Pengarah~~, atau seseorang pegawai atau pekerja Institiut atau oleh seseorang lain semasa mentadbirkan Akta ini tentang apa-apa formula, ~~proses, atau amalan~~ hendaklah disifatkan sebagai sulit kecuali bagi maksud-maksud berkaitan dengan pentadbiran Akta ini.

d/AA857. /barangan, proses amalan atau perkhidmatan AA857.

(3) Seseorang yang menyampaikan maklumat kepada seseorang atau yang membiarkan atau membenarkan seseorang melihat maklumat bersalahan dengan seksyen ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN IX

### PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN

Pemansuhan dan pembubaran. *76/66. Akta 48.*

**42.** (1) Akta Piawaian, 1966 dan Akta (Perbadanan) Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan, 1971 adalah dimansuhkan dan masing-masing badan yang ditubuhkan di bawahnya, iaitu Institusi Piawaian Malaysia,

Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan, dan Majlisnya masing-masing, tiap-tiap satunya adalah selepas ini dalam Bahagian ini disebut "badan yang dibubarkan", adalah dibubarkan.

P.U.(A) 224/76

(2) **43.** Segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, atau tanggungan yang sebelum sahaja mula berkuatkuasa Akta ini adalah kepunyaan badan yang dibubarkan hendaklah dari mula berkuatkuasanya Akta ini turun kepada Institiut dan Majlis. Pindah-milik kuasa, hak, tanggungan, dan kewajipan.

**44.** (1) Semua tanah yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini telah terletakhak pada badan yang dibubarkan atau dirizabkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan tanah bagi maksud-maksud badan yang dibubarkan hendaklah apabila mula berkuatkuasanya Akta ini terletakhak pada atau disifatkan sebagai dirizabkan bagi maksud-maksud Institiut dan Majlis. Pindah-milik harta.

(2) Semua harta dan aset, lain daripada tanah, yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini telah terletakhak pada badan yang dibubarkan atau pada seseorang bagi pihaknya hendaklah apabila mula berkuatkuasanya Akta ini diletakhak pada Institiut dan Majlis.

**45.** Semua suratikatan, bon, perjanjian, suratcara, dan perkiraan-perkiraan pengusahaan yang ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan yang menyentuh mana-mana harta yang dipindahmilik di bawah seksyen 44 hendaklah berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya terhadap atau untuk faedah Institiut dan Majlis dengan sepenuh dan berkesannya seolah-olah Majlis dan Institiut dan bukan badan yang dibubarkan atau seseorang yang bertindak di pihaknya telah dinamakan di dalamnya atau menjadi satu pihak kepadanya. Kontrek yang sedia ada.

**46.** (1) Pemansuhan di bawah seksyen 42 dan juga apa-apa yang terkandung dalam Akta ini tidak boleh menyentuh tanggungan seseorang untuk dihukum atau didakwa kerana kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta-akta yang dimansuhkan itu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini atau juga tidak boleh menyentuh apa-apa tindakan yang telah diambil sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini berkenaan dengan kesalahan-kesalahan itu. Penerusan pembi-caraan jenayah dan sivil.

(2) Apa-apa pembicaraan, samada sivil atau jenayah, atau alasan tindakan yang belum selesai atau yang ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini oleh atau terhadap badan yang dibubarkan atau seseorang yang bertindak bagi pihaknya boleh diteruskan atau di bawa oleh atau terhadap Majlis sebagaimana ia mungkin telah dibawa oleh atau terhadap badan yang dibubarkan atau orang itu jika Akta ini tidak diluluskan.

(3) Apa-apa rayuan yang dibuat atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini terhadap sesuatu keputusan yang diberi sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dalam sesuatu pembicaraan di sisi undang-undang yang kepadanya sesuatu badan yang dibubarkan telah menjadi satu pihak boleh dibuat oleh atau terhadap Majlis.

Pindahmilik kumpulanwang.

**47.** Semua wang yang ada dalam, atau yang kena dibayar kepada, kumpulanwang badan yang dibubarkan hendaklah apabila mula berkuatkuasanya Akta ini dipindahmilik kepada kumpulanwang yang ditubuhkan di bawah seksyen 22.

Pegawai dan penjawat diambil bekerja seterusnya.

**48.** Tiap-tiap orang yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini telah diambil bekerja sebagai pegawai atau penjawat badan yang dibubarkan hendaklah apabila mula berkuatkuasanya Akta ini diambil bekerja sebagai pegawai atau penjawat, mengikut mana yang berkenaan, bagi Institiut atas had-had dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada yang diperolehi sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini.

Perkecualian penentuan, tanda, dan lesen. *76/66.*

**49.** (1) Semua penentuan yang diisytiharkan sebagai penentuan piawai di bawah seksyen 19 Akta Piawaian, 1966 dan yang berkuatkuasa sebagai penentuan-penentuan piawai sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah terus lagi berkuatkuasa sebagai penentuan-penentuan piawai yang diisytiharkan di bawah seksyen 28 Akta ini sehingga ditarikbalik di bawah seksyen itu.

(2) Semua tanda yang didaftarkan sebagai cap-cap dagangan perakuan menurut seksyen 18 Akta tersebut dan yang masih didaftarkan sedemikian sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah masih terdaftar dan hendaklah disifatkan sebagai telah didaftarkan menurut seksyen 29.

(3) Semua lesen untuk menggunakan tanda-tanda piawai yang diberi di bawah seksyen 20 Akta tersebut dan yang berkuatkuasa sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini adalah masih lagi sah sebagai lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 30 sehingga lesen-lesen itu tamat atau dibatalkan di bawah Akta ini.

**50.** (1) Jika timbul apa-apa kesulitan berhubung dengan peruntukan-peruntukan peralihan yang terkandung dalam Bahagian ini, Menteri boleh, tertakluk kepada seksyen-kecil (2), dengan perintah membuat apa-apa ubahsuaian di dalamnya sebagaimana yang pada pendapatnya perlu untuk mengelakkan anomali-anomali. Mengelakkan anomali-anomali.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (1) selepas tamat dua tahun dari mula berkuatkuasanya Akta ini.

JADUAL --- ← AA85Z.

KUALA LUMPUR
DICETAK OLEH KETUA PENGARAH PERCETAKAN DAN DITERBITKAN DENGAN PERINTAH PADA
22HB MEI, 1975
*Harga:* $1